

Media: Sinar Harian

Date: 07 Dec 2021

## Ajinomoto Malaysia Berhad lakar sejarah



Azhan (dua dari kanan) mewakili AMB menerima anugerah Pemenang Sijil Pengesahan Halal Malaysia Terbaik yang disampaikan oleh Idris (empat dari kiri) pada Persidangan Halal Kebangsaan 2021 baru-baru ini.

**SHAH ALAM** - Ajinomoto Malaysia Berhad (AMB) melakar sejarah apabila menerima anugerah Pemenang Sijil Pengesahan Halal Malaysia Terbaik di bawah Kategori Industri Besar oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) pada 23 November lalu.

AMB dalam satu kenyataan berkata, pihaknya menerima anugerah berprestij itu pada Persidangan Halal Kebangsaan 2021 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Ketua Pegawai Pengeluaran AMB, Azhan Mohamed telah mewakili AMB menerima anugerah tersebut yang disampaikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Idris Ahmad," jelas kenyataan itu.

Menurut AMB, sebagai jenama yang terkenal, pihaknya sentiasa fokus dalam mematuhi Piawaian Pensijilan Halal Malaysia bagi memenuhi keperluan pasaran tempatan dan eksport.

"Pemindahan kilang baharu ke Hab Halal di Bandar Enstek, Negeri Sembilan pada 2022 akan terus mempromosikan kekuatan AMB sebagai syarikat makanan halal yang dipercayai dan digemari oleh semua pihak berkepentingan di seluruh pasaran tempatan dan luar negara termasuk Timur Tengah," kata AMB.

AMB telah wujud sejak 1961 dengan operasi perniagaan pertamanya sebagai pengeluar tunggal Ajinomoto Monosodium Glutamat (MSG) di Malaysia.